

17/03/2002

Joan Collins borong batik di Embun

SEMENTARA menunggu kehadiran dua bintang Idola, Normala Samsuddin dan Jeslina Hashim ke Butik Embun, Zubir dok melepak dengan tuan punya Embun, Natrah Hisham. Natrah atau Betty memang top di kalangan artis sekarang sebab ramai selebriti dah mula pakai baju rekaannya yang begitu unik.

Betty sempat beritahu Zubir, Bintang Paling Popular, Siti Nurhaliza turut menggunakan baju rekaannya untuk kulit album terbarunya, Sanggar Mustika. Tapi, baju kebaya warna hijau tu dia tak akan jual kepada sesiapa termasuklah Siti sendiri kerana ia dah jadi koleksi sentimental. Kelas gitu!

Tapi, yang membuatkan Zubir terperanjat besar apabila Betty beritahu baru-baru ini, bintang Hollywood, Joan Collins, sempat singgah ke rangkaian butiknya di pusat beli-belah The Tangs, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

"Betul ke Joan Collins shopping kat butik you?" tanya Zubir pada Betty.

"Betul Zubir... dia datang dengan suami barunya, Percy Gibson."

Apa yang dia orang beli?

"Collins borong banyak kain batik I. Aksesori dan baju kebaya pun dia beli beberapa pasang. Dalam setengah jam jugalah dia orang kat butik I," kata Betty.

Wah, nampaknya lepas ni naiklah saham Embun. Pasti ramai artis dan selebriti berebut-rebut nak beli baju Betty. Maklum sajalah hasil rekaannya makin cantik.

Tapi, Betty agak terkilang kerana pengawal peribadi Collins tidak benarkan sesiapa pun merakamkan foto bintang terkenal itu.

Zubir juga dapat tahu, Joan Collins sempat bercuti di sebuah pulau dekat Pulau Pangkor. Khabarnya, aktres siri Dynasty dan suaminya itu saja tetamu yang bercuti di pulau itu. Hai, privacy habis! Seperkara lagi, hanya lima petugas saja diberi tanggungjawab melayan rombongan Collins manakala pekerja lain diberi cuti!

Menurut Betty lagi, seminggu sebelum kehadiran Joan Collins di butiknya, Superstar Anita Sarawak dan suaminya, Mahathir Abdullah, turut shopping di satu lagi butiknya di Petaling Jaya, Selangor.

"Anita pilih baju yang berpotongan seperti jubah. Dia dah tak nak seksi-seksi lagi. Mahathir pula pilih baju daripada sutera India," jelas Betty.

Apa yang Zubir nak katakan di sini, tak perlulah artis Malaysia berbangga atau pukul canang mereka lazimnya beli-belah di London, Paris atau New York. Sebabnya, Joan Collins, Anita Sarawak malah ramai bintang Bollywood pun shopping kat KL!

e-mel:dengarjeling@bharian.com.my

(END)